



Headline: Pinjaman tidak wujud, kerani rugi RM32,250
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)
Date: 7 May 2019

Language: Malay
Section: Citra Utusan
Page: 7

Pinjaman tidak wujud, kerani rugi RM32,250

SIBU: Seorang kerani di sini mengalami kerugian RM32,250 selepas terjerat dengan tipu muslihat pinjaman wang yang tidak wujud ditawarkan menerusi media sosial Facebook.

Timbalan Ketua Polis Daerah Sibul Superintenden Martin Koo berkata, pengadu yang merupakan seorang wanita berusia 41 tahun tertarik dengan tawaran pinjaman syarikat terbabit yang menyatakan boleh memberi pinjaman sebanyak RM35,000 menerusi Facebook pada 19 April lepas terus menekan butang 'like' pada iklan tersebut.

"Selepas menekan butang 'like' itu, pengadu telah menerima pesanan ringkas melalui aplikasi WhatsApp pada 25 April.

"Pengadu yang bersetuju dengan tawaran pinjaman tersebut diminta membuat pembayaran ke dalam akaun yang diberi," jelasnya menerusi satu kenyataan pada Ahad.

Katanya, sejak 27 April sehingga 2 Mei, mangsa telah membuat pembayaran sebanyak RM32,250 melalui 16 transaksi ke dalam tiga akaun berbeza bagi tujuan kos guaman, keselamatan, insurans dan pembukaan

akaun.

"Pengadu berasa diperdaya apabila diminta membuat pembayaran sebanyak RM8,000 lagi.

"Sehingga laporan dibuat pengadu tidak ada menerima wang pinjaman yang dijanjikan pihak syarikat Al'Mufawadhah," ujarnya.

Menurutnya, modus operandi suspek memperdayakan pengadu untuk menyerahkan wang bagi tujuan mendapatkan pinjaman yang tidak wujud dan kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.